

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 11 MAC 2019**

| BIL                              | TAJUK KERATAN AKHBAR  | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                     |
|----------------------------------|---|--|
| 1.<br>2.                         | DUA VARIETI PADI SERBA MENJADI, MEGA AGRO, UM -28<br>KEJAYAAN BERSEJARAH, MEGA AGRO, UM -29   | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | PENGELUARAN PADI TERJEJAS AKIBAT CUACA PANAS, BH -ONLINE<br>PENGELUARAN PADI TERJEJAS AKIBAT CUACA PANAS, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -1<br>ATASI MASALAH PADI KURANG AIR, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -22<br>PADI MUSIM PERTAMA DIJANGKA TERJEJAS, ISU, BH -19<br>19,300 PESAWAH TERJEJAS TERUK, SETEMPAT, HM -28<br>DRY SEASON TROUBLE FOR 19,300 PADI FARMERS, NATION / NEWS, NST -9 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)           |
| 9.<br>10.                        | DRY SEASON AFFECTS RICE YIELD, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A13<br>STOK BERAS PADA PARAS MEMBIMBINGKAN, NASIONAL, SH -9   | BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) / BERNAS    |
| 11.                              | MODIFIED SEINE NETS DECIMATING FISH STOCKS IN PENANG, NATION, THE STAR -6   | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                   |
| 12.                              | 10 PPK DIPERKASA TAHUN INI, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -1  | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)                  |
| 13.<br>14.                       | 400 NELAYAN TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -10<br>15 BOT PUKAT LOHONG ANCAM NELAYAN, WILAYAH, BH -67  | LAIN – LAIN  |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



# Dua varieti padi serba menjadi

**P**ENANAM padi di negara ini menerima perkhabaran gembira dengan pencapaian penyelidikan dan pembangunan (R&D) penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berjaya menghasilkan dua benih padi varieti baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 dengan ciri ciri bermutu tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UKM, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Elhwan Toriman** berkata pihaknya baharu-baru ini berjaya menghasilkan inovasi baharu termasuklah varieti padi baharu UKMRC-2 dan UKMRC-8 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebelum ini.

Hasil kajian penyelidik UKM, **Prof. Dr. Wickneswari Ratnam** dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST), bersama bekas penyelidik Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), **Abdullah Md Zain** mendapati hasil tuai padi varieti tempatan dapat ditingkatkan 20 peratus menggunakan gen yang terdapat dalam spesies padi liar.

“Penyelidikan dua varieti padi baharu ini telah didaftarkan di bawah perlindungan harta intelek varieti tumbuhan baharu pada 2009 dan dituluskan pada 2014. Pengujian skala besar di jelang padi negara juga telah dijalankan dari tahun 2015 hingga 2017 untuk memenuhi syarat pengisytiharan varieti baharu padi yang disarankan oleh Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani, “ujarnya. Kata beliau, kedua-dua varieti tersebut telah ditanam pada skala besar di Sungai Dua, Pulau Pinang; Semanggol, Perak; dan Tandop, Kedah pada Oktober hingga November 2017 untuk menguji amalan agronomi yang terbaik.

Proses penghasilan varieti baharu ini adalah proses kacukan antara padi tempatan melalui pendebungaan terkawal

iaitu padi liar adalah sebagai induk betina manakala padi tempatan berprestasi tinggi adalah sebagai induk jantan pada kacukan pertama. Spesies padi liar daripada alam semula jadi mempunyai kemampuan dalam meningkatkan ciri seperti ketahanan kepada banjir, penyakit, serangan perosak dan peningkatan hasil.

Varieti padi berkenaan dihasilkan menerusi

pendebungaan terkawal daripada spesies liar *Oryza rufipogon* dan varieti mega MR219 untuk meningkatkan hasil dan sebagai varieti alternatif kepada varieti sedia ada.

Berdasarkan dapatan data hasil penanaman 26 varian di Gurun, Seberang Perai dan Sungai Besar, UKMRC-2, UKMRC-3, UKMRC-4 dan UKMRC-8 telah didaftarkan



VARIETI padi baru UKMRC-2 dan UKMRC-8 yang ditunjukkan di pekarangan PPK Seri Jerai MADA G-IV baru-baru ini.



SALAHUDDIN AYUB (tiga, kanan) meneliti benih padi ketika Pengisytiharan Varieti Padi Baharu di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan Seri Jerai MADA G-IV baru-baru ini.



## INFO

- Kedua-dua varieti itu juga sesuai ditanam di kebanyakan jelapang padi utama Malaysia
- Kajian mengambil masa kajian selama 17 tahun **UKMRC-2**
- Mempunyai kerintangan kepada penyakit yang baik terutamanya kepada karah daun
- Kualiti pulangan pengilangan dan kepala beras yang tinggi iaitu sekitar 78 peratus dan 82 peratus
- Kadar kemandirian (SR) dalam keadaan bertekanan banjir yang sangat baik sehingga 88 peratus
- Boleh menghasilkan beras putih sebanyak 12 tan sehektar dan tahan penyakit
- Anak pokok menunjukkan tahap kemandirian yang tinggi walaupun terendam dalam banjir selama 14 hari
- **UKMRC-8**
- Mempunyai peratusan pemanjangan (EP) dalam keadaan bertekanan banjir yang sangat baik (57 peratus) dengan rendaman selama 14 hari semasa fasa vegetatif
- Menghasilkan 14 tan beras putih sehektar dengan tahap beras hancur yang rendah
- Anak pokok **UKMRC-8** juga turut menunjukkan tahap kemandirian yang baik walaupun terendam selama 14 hari dalam banjir

**SALAHUDDIN AYUB** (tiga, kanan) menimbang benih padi sebagai gimik Pengisytiharan Varieti Padi Baharu di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Jerai, baru-baru ini.

sebagai varieti baharu tanaman (*new plant variety*) pada Oktober 2014.

Kedua-dua varieti ini kemudiannya dipilih untuk menjalani Ujian Penentusahan Setempat iaitu penanaman di sawah di 14 kawasan jelapang dan bukan jelapang di seluruh negara selama tiga musim yang kemudiannya telah dibentangkan dan dituluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (BKKIPB) pada 9 Februari tahun lalu.

Semasa proses Ujian Penentusahan Setempat, **UKM** telah memberi benih kepada petani dan petani menanam padi tersebut mengikut garis panduan Jabatan Pertanian.

Sepanjang proses itu, penyelidik **UKM** bersama rakan industri memantau dan memberi nasihat kepada petani yang terlibat. Kajian yang melibatkan kos kira-kira RM3 juta.

Sementara itu, **Dr. Wickneswari** berkata, kerjasama strategik antara **UKM** dan industri adalah sangat penting dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi.

"Kita kena ada situasi menang-menang. Saya ada benih dan mereka (industri) ada kawasan tanah untuk mengeluarkan benih. **UKM** tidak hasilkan benih tapi kita hasilkan benih baka dan juga benih asas.

"Jadi, kita mesti kena ada



**IMBAS... DR Mohd Eldwan Toriman** menunjukkan **UKM-RC2** di salah satu plot tanaman di Semanggol, Perak.



**DR. R. WICKNESWARI**

pengeluar benih yang boleh hasilkan benih daftar dan benih sahar untuk petani. Kita mesti ada satu perjanjian dengan beberapa pihak yang mahu mengeluarkan benih itu supaya hasil daripada jualan itu, ada beberapa peratus yang kita salur balik kepada universtiti untuk mengukuhkan penyelidikan," katanya.

Penyelidikan tersebut juga mendapat hasil tuaian padi varieti tempatan dapat ditingkatkan 20 peratus melalui introgressi gen yang terdapat dalam spesies padi liar.



**IMBAS... Padi **UKMRC2** yang dituai menggunakan mesin di Semanggol Perak.**

## Kejayaan bersejarah

**M**ENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yang melancarkan varieti padi baharu **UKMRC-2** dan **UKMRC-8** itu berkata kejayaan penyelidikan dalam menghasilkan dua varieti padi itu merupakan satu sejarah kepada negara. Ini kerana ia adalah varieti pertama yang dihasilkan hasil kerjasama dua hala di antara penyelidik institusi pengajian tinggi awam dan agensi di bawah kementerianannya Salahuddin berkata, penyelidikan **UKM** itu adalah menerusi pendehungan terkawal spesies padi liar.

Salahuddin berkata ia merupakan kejayaan bersama, langkah yang boleh dianggap satu strategi yang memang nantikan sebelum ini. Keberhasilan teknologi tersebut sangat membantu untuk meningkatkan pendapatan petani kita di seluruh negara.

"Sekiranya varieti baharu ini dapat

meningkatkan pengeluaran maka kita boleh bergerak ke hadapan.

"Petani kita akan dapat tingkatkan pendapatan hasil daripada teknologi ini," katanya selepas melancarkan dua varieti padi tersebut di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) G-IV, Guar Chempedak, Kedah baru baru ini.

Beliau berkata kerjasama antara anak syarikat start-up **UKM** dan **MADA** memainkan peranan penting untuk mengembangkan penggunaan varieti baharu ini ke seluruh negara.

"Kita telah bersedia untuk menanam antara 6,000 hingga 8,000 hektar varieti baharu padi **UKMRC-2** dan **UKMRC-8** di seluruh negara untuk musim 2019. Kita juga telah menanam padi varieti baharu ini di beberapa jelapang padi dan berjaya mencapai hasil sehingga lapan tan metrik sehektar," katanya.



**PADI **UKMRC-2** yang ditanam di Semanggol Perak.**

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 11/3/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE  |            |

## Pengeluaran padi terjejas akibat cuaca panas



KOTA BHARU: Pengeluaran hasil padi di negara terjejas berikutan cuaca panas yang melanda negara pada masa ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata antara kawasan yang terjejas ialah Kelantan, Terengganu dan Kota Belud, Sabah.

"Usaha (bagi meningkatkan pengeluaran padi) perlu dipertingkatkan dan tindakan segera perlu dilaksanakan agar masalah pengeluaran padi ini dapat diatasi sepanjang musim ini yang dijangka berlarutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salim Parlan, Timbalan Pengurus Besar Pembangunan KADA, Nik Roslan Idris dan Timbalan Pengurus Besar Operasi KADA, Mat Naji Abdullah.

Pada majlis itu, seramai 75 kakitangan KADA menerima anugerah, manakala 92 orang yang bersara turut diraikan.

Mohd Sallehuddin berkata, antara tindakan segera yang diambil KADA buat masa ini ialah membekalkan 10 pam mudah alih kepada pesawah di Pasir Puteh dan mengorek 200 telaga tiub di enam kawasan KADA.

"Kita akan berusaha untuk memberi bantuan segera kepada pesawah yang mengalami masalah ini, termasuk pesawah di kawasan terpencil yang langsung tidak mempunyai bekalan air," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini seramai 19,300 daripada 322,000 pesawah di seluruh negara terjejas berikutan cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini.

Katanya, stok beras negara hanya mempunyai 150,000 tan yang hanya mampu bertahan 22 hari tanpa catuan.

"Walaupun terdapat stok dagangan yang boleh bertahan untuk masa 40 hari, namun ia dibimbangi menjejaskan bekalan stok makanan negara," katanya. - BERNAMA

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Pengeluaran padi terjejas akibat cuaca panas |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Sarawak                               |             |                     |
| Date       | 11 Mar 2019                                  | Color       | Full Color          |
| Section    | EKONOMI                                      | Circulation | 37,981              |
| Page No    | 1  | Readership  | 113,943             |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 351 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 1,799            |
| Frequency  | Daily (EM)                                   | PR Value    | RM 5,396            |



## Pengeluaran padi terjejas akibat cuaca panas



**KURANG AIR ...** Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan meninjau tali air yang mula menyalurkan air ke kawasan-kawasan tanaman padi setelah usaha dilakukan bagi menyalurkan air dengan menggunakan pam bergerak ketika meninjau di kawasan Gong Penaga, Jertih semalam. • Foto BERNAMA

**KOTA BHARU:** Pengeluaran hasil tanaman padi di negara ini terjejas berikutan cuaca panas yang melanda nega-

ra pada masa ini, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin

Hassan.

Katanya antara kawasan yang terjejas adalah Kelantan, luar jelapang Terengganu dan

Kota Belud, Sabah.

"Usaha (bagi meningkatkan pengeluaran padi) perlu dipertingkatkan dan tindakan segera perlu dilaksanakan agar masalah pengeluaran padi ini dapat diatasi sepanjang musim ini (berikutan cuaca panas) yang dijangka berlarutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cameronlang (APC) dan Jasamu Dikenang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salim Parlan, Timbalan Pengurus Besar Pembangunan KADA Nik Roslan Idris dan Timbalan Pengurus Besar Operasi KADA Mat Naji Abdullah.

Pada majlis itu seramai 75 kakitangan KADA menerima APC manakala 92 orang yang telah bersara dan akan bersara turut diraikan.

Mohd Sallehuddin berkata

antara tindakan segera yang diambil KADA buat masa ini ialah membekalkan 10 pam mudah alih kepada pesawah di Pasir Puteh dan mengorek 200 telaga tiub di enam kawasan KADA.

"Kita akan berusaha untuk memberi bantuan segera kepada pesawah yang mengalami masalah ini termasuk pesawah di kawasan terpencil yang langsung tidak mempunyai bekalan air," katanya.

Beliau berkata sehingga kini seramai 19,300 daripada 322,000 pesawah di seluruh negara terjejas berikutan cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini.

Katanya stok pengimbal beras negara hanya mempunyai 150 ribu tan metrik yang hanya mampu bertahan 22 hari tanpa catuan.

"Walaupun terdapat stok dagangan yang boleh bertahan untuk masa 40 hari namun ia dibimbangi menjejaskan bekalan stok makanan negara," katanya. - Bernama

|            |                               |             |                     |
|------------|-------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Atasi masalah padi kurang air |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pantai Timur)   |             |                     |
| Date       | 11 Mar 2019                   | Color       | Full Color          |
| Section    | News                          | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 22                            | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                         | ArticleSize | 353 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                           | AdValue     | RM 2,799            |
| Frequency  | Daily                         | PR Value    | RM 8,396            |



# Atasi masalah padi kurang air

**Tindakan awal mampu minimumkan risiko kerugian pesawah**

NORIJASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

**K**erajaan berusaha mengurangkan risiko kerugian seramai 7,733 pesawah dalam kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) akibat kemarau panjang.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, kawasan penanaman seluas 26,833 hek-

tar diancam masalah kekurangan air.

Katanya, sebanyak 100 pam air dibekalkan secara berperingkat kepada pesawah di negeri ini.

"Kemarau tahun 2015 menyebabkan petani mengalami kerugian besar, kali ini kita bertindak awal yang mana di Kelantan, Kada mencari alternatif dalam membantu petani.

"Tindakan awal dari pihak Kada ini diharap dapat meminimumkan risiko kerugian," katanya ketika melawat Stesen Pam Tali Air Bendang Nara, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salim Parlan dan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Kada, Nik Roslan Idris dan Timbalan Pengu-



Mohd Sallehuddin (Mrl) membuka pintu kawalan air di Stesen Pam Tali Air Bendang Nara.

rus Besar Operasi Kada, Mat Naji Abdullah.

Stesen pam itu menggunakan kaedah mengitar semula air untuk dialirkan ke kawasan penanaman

padi Bendang Cherang Rotan seluas 1,500 hektar yang mengalami masalah kekurangan air.

Mohd Sallehuddin berkata, pihaknya mendapat

kan maklumat cuaca daripada Jabatan Meteorologi dari masa ke masa bagi mengetahui kawasan berkeperluan air di seluruh negara.

info

Sebanyak 100 pam air dibekalkan secara berperingkat kepada pesawah di negeri ini

"Kita sentiasa memantau permasalahan petani dan berusaha mencari jalan penyelesaiannya.

"Jawatankuasa khusus dibentuk untuk memantau kemarau yang mungkin berlarutan ke bulan depan," katanya.

Tambah beliau, pesawah dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak juga mengalami masalah sama.

Bagaimanapun katanya, keadaan masih terkawal sebagaimana kawasan seliaan Kada.

11/3/2019

BERITA  
HARIAN

ISU

19

# Padi musim pertama dijangka terjejas

➔ 19,300  
pesawah di tiga  
negeri berdepan  
masalah  
kemarau

Oleh Nor Fazlina  
Abdul Rahim

nfazlina@nstp.com.my

✦ Kota Bharu

**S**eramai 19,300 pesawah di Sabah, Terengganu dan Kelantan terjejas teruk akibat musim kemarau.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata daripada jumlah pesawah berkenaan, Kelantan berdepan masalah paling ketara untuk mendapatkan bekalan air.

"Tiga negeri yang terjejas ini, ada

kawasan tidak mendapat bekalan air langsung, terutama di Kelantan jika dibandingkan di Kota Bharu, Sabah dan di kawasan luar jelapang Terengganu.

"Berikutan masalah dialami, kita menjangka pengeluaran hasil padi untuk musim pertama dijangka terjejas akibat musim kemarau yang berpanjangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu di Kenang Lembaga Kemajuan Pertanian Kelantan (KADA) di sini, semalam.

Mohd. Sallehuddin berkata, setakat ini Kementerian itu sudah mengambil langkah yang perlu bagi memastikan bekalan air sampai ke sawah padi.

## Telaga tumb

Katanya, tanaman padi dapat bertahan selama dua minggu tanpa bekalan air, namun pihaknya akan memastikan masalah berkenaan dapat diatasi bagi mengelak lebih banyak hasil pengeluar-

[FOTO ZAMAN HURI/ISA /BHT]



**Mohd Sallehuddin diiringi timbalannya, Datuk Salim Perlan dan Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA, Nik Roslan Idris (kanan) bersama penerima pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang KADA di Kota Bharu, semalam.**

ran padi terjejas.

"Di Kelantan yang membabitkan 7,700 pesawah, kita menggunakan bekalan air sungai Kelantan selain menyediakan telaga tiub 200 unit dan kita akan menambah 100 unit

lagi dalam masa terdekat.

"Pada masa sama, kita juga menyerahkan pam mudah alih kepada pesawah secara berperingkat dan pemantauan akan dilakukan secara berterusan bagi mengelak

masalah menjadi lebih teruk.

"Saya turut memuji pihak KADA yang bekerja keras dan dapat mengambil langkah drastik mengatasi masalah musim kemarau yang melanda pesawah," katanya.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 11/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 28         |



SAWAH padi yang kering-kontang di Kampung Sangkir, Kota Belud.

## FENOMENA CUACA PANAS

# 19,300 pesawah terjejas teruk

Muhamaad Razis Ismail  
razis@nstp.com.my

### Kota Bharu

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menganggarkan 19,300 pesawah di negara ini terjejas teruk berikutan musim kemarau.

Ketua Setiausahaanya Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, berkata tiga negeri yang dikenal pasti terjejas ialah Kelantan, Terengganu dan Sabah.

Katanya, kekurangan bekalan air itu memberi kesan

terhadap penanaman padi musim pertama, sekali gus menjejaskan pengeluaran beras.

"Cuaca kemarau melampau memberi kesan kepada pesawah di Kelantan, di kawasan luar jelapang Terengganu dan Kota Belud, Sabah berikutan masalah bekalan air terhad.

"Pesawah di bawah Lembaga Kemaajuan Pertanian Kemubu (KADA) berdepan masalah bekalan air sungai dan pokok padi hanya bertahan dalam tempoh dua minggu "Sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan menjejaskan penanaman padi

musim pertama, sekali gus menyebabkan pesawah berdepan kerugian lebih besar," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Jasamu Dikenang 2018 KADA di sini, semalam.

Bellau berkata, pihaknya mengambil langkah segera dengan turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi pesawah.

"Di Kelantan, kami menyediakan telaga tiub sebanyak 200 unit dan kami akan menambah 100 lagi dalam masa terdekat selain menyebarkan pam mudah alih kepada pesawah secara ber-

peringkat.

"Saya yakin dalam masa terdekat semua masalah air termasuk tiada sumber air langsung diselesaikan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Mohd Sallehuddin menggesa pegawai dan kakitangan KADA untuk berusaha meningkatkan pengeluaran beras.

"Sehingga kini, KADA menyumbang lapan peratus bekalan beras negara. Saya berharap pegawai dan kakitangan bekerja lebih keras untuk mempertingkatkan pengeluaran beras," katanya.



| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN       | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------------|------------|
| 11/3/2019 | NST   | NATION / NEWS | 9          |

## Dry season trouble for 19,300 padi farmers

**KOTA BARU:** Some 19,300 padi farmers nationwide are affected by the dry season, said the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.

Its secretary-general, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, said the three most affected states were Kelantan, Terengganu and Sabah.

He said water shortage affected the production of rice.

“The extreme hot weather is affecting farmers in Kelantan, Terengganu’s granary areas and Sabah’s Kota Belud.

“Among the problems faced by farmers who come under the supervision of the Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) are limited water supply and padi crops which can survive only for two weeks.

“If this situation persists, it will affect the harvest and farmers will suffer losses,” Sallehuddin

said after attending KADA’s Excellent Service Award and Jasamu Dikenang 2018 programme here yesterday.

He said his officers had gone to the ground to learn about the problems faced by farmers.

“In Kelantan, we have provided 200 tube wells and will add another 100 units in the near future.

“We will deliver portable pumps to farmers in stages.

“I am confident all water-related problems, including the lack of water resources, will be resolved soon.”

Sallehuddin urged KADA officers and employees to boost efforts to increase rice yields.

“To date, KADA has contributed eight per cent of the country’s rice supply.

“I hope this can be improved.”

|             |                               |             |                     |
|-------------|-------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline    | Dry season affects rice yield |             |                     |
| Media Title | Oriental Daily News           |             |                     |
| Date        | 11 Mar 2019                   | Color       | Black/white         |
| Section     | News                          | Circulation | 85,616              |
| Page No     | A13                           | Readership  | 256,848             |
| Language    | Chinese                       | ArticleSize | 125 cm <sup>2</sup> |
| Journalist  | N/A                           | AdValue     | RM 1,462            |
| Frequency   | Daily                         | PR Value    | RM 4,385            |



哥打峇鲁

## 旱天影响稻米产量

农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁指出，稻米产量受到我国近期酷热天气的影响而减少。

他透露，受影响的地区包括吉兰丹、登嘉楼及沙巴古打毛律。「为了解决这一时期的稻米出口问题，（提高稻米产量的）努力需要被提高并立即采取相关行动。」

他出席吉兰丹格姆布农业发展局（KADA）一场活动时，如此表示。

他说，格姆布农业发展局为此将提供10个可替换水泵给白沙布爹的农民，并在该发展局的6个地区挖掘200个水泵抽水口。「我们将尽力协助，包括偏远地区的农民。」

他指出，全国目前有1万9300至32万2000名农民，因我国旱季而受到影响。

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 11/3/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9          |



Mohd Sallehuddin (dua kanan) beramah mesra dengan penerima APC Kada semalam.

## Stok beras pada paras membimbangkan

**KOTA BHARU** - Stok penimbal beras negara yang berjumlah 150,000 metrik tan hanya mampu bertahan untuk 22 hari sahaja tanpa catuan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, dalam keadaan kemarau melampau, ia agak membimbangkan dan tahap pengeluaran padi perlu dipertingkatkan.

Katanya, walaupun terdapat stok dagangan yang boleh bertahan untuk masa 40 hari lagi namun ia dibimbangi menjejaskan stok makanan negara.

"Stok makanan juga melibatkan isu keselamatan negara. Justeru saya tekan-

kan kita perlu uruskan stok makanan dengan lebih baik.

"Cuaca begini juga kita bimbang akan menjejaskan negara pengeluaran beras lain seperti Thailand dan Vietnam kerana kita juga bergantung kepada mereka," katanya ketika sidang media selepas merasmikan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di sini, semalam.

Dalam majlis itu seramai 75 kakitangan Kada menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 92 kakitangan yang telah dan akan bersara turut diraikan.

## Modified seine nets decimating fish stocks in Penang

**GEORGE TOWN:** Inshore fishermen have been accused of destroying the seabed close to shore with their modified nets which turn their boats into mini trawlers.

Tehuk Bahang Fishermen Association's Tanjung Bungah unit head Ismail Din said by modifying coastal seine nets (*pukat kenika*), they create something akin to trawling nets (locally dubbed *pukat lohong*) and drag them 200m to 300m at sea depths of no more than 3m.

"These *pukat lohong*, however, leave a path of destruction under the sea, and legal drift net fishermen are left staring helplessly as the mini trawlers scrape the fishing grounds bare.

"Sometimes, we go near them and ask them to stop. Some of them ignore us. Some shout back 'Apa mau? (What do you want?) at us,' he said during a press conference to highlight the issue yesterday.

Ismail said inshore trawling not only destroys the fishing grounds, but decimates juvenile fishes and stunts the marine population.

"We used to catch 15kg to 20kg of crabs a day but now we are lucky if we can get 5kg.

"We have to leave our crab nets adrift overnight and when they trawl their nets, they sometimes drag our crab nets along," he said.


Fisheries laws only allow trawlers to work many nautical miles

away and at depths exceeding 30m. The sole fisherwoman in Tanjung Bungah, Syahifah Hawa Zamzuri, 30, said the *pukat lohong* boats inevitably catch a great deal of juvenile fishes which they sell as trash fish to fish farmers.

"Other smaller fishes that have low market value are used to make fishballs. If they keep going like this, our fishing grounds will die," she said.

State Fisheries director Noraisyah Abu Bakar said her team will check on this, adding that only a few coastal seine net fishermen in North Seberang Prai are licensed.

"Coastal seine nets are for fishermen to circle an area of the sea and then tighten the net," she said.



**They have to stop:** A fisherman showing a picture on how the inshore fish catchers work with their modified nets.

|            |                            |             |                     |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | 10 PPK diperkasa tahun ini |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Sarawak             |             |                     |
| Date       | 11 Mar 2019                | Color       | Black/white         |
| Section    | EKONOMI                    | Circulation | 37,981              |
| Page No    | 1                          | Readership  | 113,943             |
| Language   | Malay                      | ArticleSize | 174 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                        | AdValue     | RM 569              |
| Frequency  | Daily (EM)                 | PR Value    | RM 1,708            |



## 10 PPK diperkasa tahun ini

**BANTING**,:Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyasarkan 10 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara untuk diperkasakan tahun ini, supaya berupaya mengeksport hasil pertanian masing-masing pada masa hadapan.

Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman berkata pemerkasaan itu dirancang dilakukan melalui penerapan modul berkaitan yang akan dihasilkan PPK Kuala Langat, di sini selaku PPK contoh, memandangkan mereka sudah mula mengeksport hasil pertanian ke Jeddah, Arab Saudi sejak awal tahun ini.

Beliau berkata kejayaan PPK Kuala Langat itu amat signifikan dengan misi serta visi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani malah dilihat harus diinspirasikan oleh PPK lain di seluruh negara.

"Disebabkan itu, kita letak PPK Kuala Langat sebagai pakar runding (untuk merealisasikan kemampuan PPK mengeksport hasil pertanian). Sekarang kita sedang membuat saringan untuk mencari 10 daripada 279 PPK di seluruh negara yang berminat dan berupaya mencontohi pengusaha di PPK ini.

"Modul itu akan disiapkan dalam masa dua minggu

lagi, yang mana ia termasuk dengan sistem pengredan hasil pertanian sesuai untuk eksport. Kita akan berhubung dengan Pengarah LPP negeri sebelum modul berkenaan dikemukakan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Lori PPK Kuala Langat di ladang satelit PPK itu, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Pengerus Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shakran Shamsuddin berkata PPK tersebut mula mengeksport hasil pertanian ke Jeddah selepas lawatan seorang pengusaha kedai dari bandar raya berkenaan yang juga rakyat tempatan ke daerah itu baru-baru ini.

Beliau berkata lawatan tersebut telah membuka peluang eksport kepada kira-kira 400 pengusaha ladang di bawah PPK tersebut menerusi sebelas jenis hasil tanaman antaranya cili, halia muda, lengkuas, daun pegaga, limau kasturi serta bunga kantan.

"Setakat ini, kita sudah membuat lima kali penghantaran iaitu sebanyak 500 kilogram hasil pertanian ini ke Jeddah dengan jumlah eksport lebih RM100,000. Kita anggap penghantaran ini sebagai permulaan dan kita sasar selepas ini, PPK Kuala Langat mampu eksport satu kontena hasil pertanian," katanya-Bernama

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 11/3/2019 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 10         |



SEBAHAGIAN nelayan membantah pengusaha bot kenka haram yang menceroboh kawasan tangkapan mereka di Tanjung Bungah, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

## Kawasan tangkapan diceroboh pengusaha bot kenka haram 400 nelayan terjejas



Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

### ■ PULAU PINANG 10 MAC

**K**IRA-KIRA 400 nelayan pantai di kawasan Tanjung Bungah di sini merayu pihak berkuasa mengambil tindakan segera dan lebih tegas terhadap pengusaha bot kenka haram yang menceroboh kawasan tangkapan mereka.

Menurut mereka, aktiviti bot kenka atau bot 'lohong' itu semakin serius sejak kebangkangan ini dengan jumlahnya juga kian bertambah dan pernah dikesan antara 10 hingga 15 buah pada satu-satu masa.

Pengerusi Persatuan Nelayan Teluk Bahang, Johari Mohamad berkata, aktiviti bot lohong tidak berlesen itu menyebabkan sumber laut di kawasan pantai berkenaan susut mendadak sekali gus mengancam mata pencarian nelayan pantai.

Ini kerana, katanya, aktiviti bot lohong itu menggunakan enjin dan pukot lebih besar sekali gus turut mengaut anak-anak dan benih hidupan laut seperti ikan, ketam dan udang yang boleh menyebabkan kepupusan.

"Mereka juga turun ke laut lebih awal iaitu bermula pukul 2 pagi hingga 9 pagi setiap hari dan mengaut semua hasil laut.

"Akibatnya, tidak ada apa-apa lagi yang bersisa untuk ditangkap nelayan pantai yang kebiasaannya mula ke laut pukul 7 pagi apatah lagi dengan bot dan pukot kecil yang kami gunakan," katanya ketika ditemui selepas menyertai perhimpunan aman bersama-sama lebih 30 nelayan bagi membantah pencerobohan bot kenka haram berkenaan di pantai Tanjung Bungah di sini hari ini.

Menurutnya, apa yang dikesalkan juga apabila aktiviti bot lohong itu turut memusnahkan pukot nelayan pantai yang dirempuh bot tersebut menyebabkan mereka menanggung kerugian.



JOHARI MOHAMAD

Sementara itu, nelayan, R. Ravichandran berkata, hasil tangkapannya ketika ini semakin berkurangan saban hari kerana tidak mampu bersaing dengan bot kenka yang mengaut semua sumber laut dengan rakus.

Katanya, dia pernah pulang dengan tangan kosong atau hanya mampu meraih pendapatan RM50 meskipun seharian memukat ikan di laut berbanding antara RM200 hingga RM300 sebelum ini.

"Malah, saya juga pernah diugut oleh nelayan bot kenka ketika menegur mereka supaya beredar dari kawasan nelayan pantai.

"Memandangkan mereka ramai, jadi tidak ada apa-apa yang boleh saya lakukan melainkan pulang dan membuat laporan kepada persatuan dan Polis Marin," katanya.

Difahamkan, pengusaha bot nelayan kenka itu berpangkalan di Kuala Muda, Kedah dan Seberang Perai di sini, selain mereka menggunakan bot dengan enjin lebih besar serta menggunakan awak-awak warga asing.

11/3/2019

BERITA  
HARIAN

WILAYAH

67

# 15 bot pukat lohong ancam nelayan

➔ Aktiviti haram jejas pendapatan, musnah ekosistem, benih hasil laut

Oleh **Zuhaimy Zulkiffli**  
bhnews@bh.com.my

↳ **Georgetown**

**K**ehadiran sehingga 15 bot pukat lohong yang menunda ikan di perairan Tanjung Bungah di sini, didakwa menjejaskan pendapatan kira-kira 400 nelayan.

Lebih membimbangkan, aktiviti dipercayai dilakukan secara haram itu didakwa menyebabkan benih hasil laut di situ musnah susulan

penggunaan pukat tidak sesuai. Pengerusi Nelayan Kawasan Teluk Bahang, Johari Mohamad, berkata bot berkenaan beroperasi sejak beberapa bulan lalu dan bilangnya semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Katanya, bot terbabit didapati menjalankan aktiviti tangkapan hasil laut pada jarak sehingga 500 meter dari pantai, memabutkan sehingga enam nelayan dalam setiap bot, antara jam 2 hingga 9 pagi, setiap hari.

“Aktibatnya, tak ada apa-apa lagi

[FOTO MIKAIL ONG /BHI]



**Nelayan Teluk Bahang membantah tindakan pencerobohan kapal pukat lohong di perairan Tanjung Bungah yang mengancam habitat laut dan pendapatan mereka.**

yang boleh ditangkap nelayan pantai yang biasanya turun ke laut pada jam 7 pagi. Tambahan, kita menggunakan bot dan pukat kecil.

**Musnahkan pukat nelayan**  
“Aktiviti ini juga memusnahkan pendapatan kami kerana pukat nelayan turut musnah dirempuh bot berkenaan, menyebabkan kerugian an sehingga RM2,500 bagi membaiti kerosakan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Johari dan lebih 30

kuasa besar, selain mengupah awak-awak warga asing bagi menangkap ikan.

Sementara itu, nelayan, R Ravichandran, 52, berkata hasil tangkapannya ketika ini semakin berkurangan dan tidak mampu bersaing dengan bot pukat lohong yang rakus mengaut hasil laut di situ.

“Bulan lalu, saya ada menegur nelayan bot pukat lohong terbabit supaya bersedar daripada kawasan ini, namun mereka mengugut sambal memegang kayu,” katanya.

nelayan pantai Tanjung Bungah mengadakan perhimpunan aman bagi membantah pencerobohan bot pukat lohong berkenaan.

Pukat lohong juga dikenali sebagai pukat tunda mini, malah saiz lubang pukat yang kecil, iaitu berukuran kira-kira 2.5 sentimeter saja boleh menyebabkan benih sumber laut tersangkut padanya.

Difahamkan, pengusaha bot pukat lohong yang berpangkalan di Kuala Muda, Kedah dan Seberang Perai itu menggunakan enjin ber-